

Headline	Pendedahan bahaya penyakit AIDS		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	115,967
Page No	14	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	79 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 687
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,061



## Pendedahan bahaya penyakit AIDS



SAIMAH

**KUALA LUMPUR** - Orang ramai dinasihatkan datang ke kiosk Majlis AIDS Malaysia (MAM) yang akan memberi penerangan mengenai bahaya penyakit Acquired Immune Deficiency Syndrome (AIDS) pada Karnival Buat Elok Saja Tau (BEST) anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) pada 28 hingga 30 Oktober ini.

Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga, Sosial dan Komuniti Jakim, Saimah Mukhtar berkata, adalah penting bagi masyarakat untuk menunjukkan sokongan kepada pesakit AIDS kerana penyakit yang dihidapi bukan bermakna dunia mereka telah berakhir.

"Melalui kios pada karnival BEST itu, pegawai-pegawai

MAM akan memberi penerangan mengenai penyakit AIDS dan diharap dapat meningkatkan kesedaran orang ramai," katanya ketika dihubungi semalam.

Karnival BEST dijadual berlangsung di Laman 1 Malaysia, Putrajaya dan akan dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk konsert artis popular.